

21 JAN 2003

Muhyiddin-Rombak

PEMILIHAN MUKA BARU DALAM UMNO BIASA, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Pemilihan muka-muka baru bagi menggantikan pemimpin lama dalam barisan kepimpinan Umno negeri merupakan satu amalan biasa menjelang pilihan raya, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Itu merupakan perkara biasa...saya sudah alami perkara itu semasa jadi Menteri Besar dulu. Memang setiap kali ada pilihan raya pasti ada perubahan, muka baru dan muka lama dicantumkan, pengalaman lama dan baru digabungkan," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran buku 'Beyond Consumer Culture-Other Responsibilities, Potential and Practices' (Melampaui Budaya Pengguna-Tanggungjawab Lain, Potensi dan Amalan) yang diterbitkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, perubahan itu dibuat mengikut situasi dan keadaan di setiap kawasan dan negeri manakala keputusan muktamad adalah pada tangan Presiden parti.

"Banyak sumber yang akan dikumpulkan sebelum keputusan dibuat untuk menggantikan seseorang, selain pertimbangan sama ada yang lama boleh terus kekal atau dihentikan, dilantik muka baru, itu kira biasalah dalam mana-mana situasi sebelum pilihan raya," katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku rombakan kepimpinan Umno negeri lain selepas rombakan barisan kepimpinan Umno Kelantan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lalu, Muhyiddin berkata ia bergantung kepada prestasi setiap badan perhubungan negeri dan keperluan semasa.

"Itu dinilai berdasarkan prestasi setiap badan perhubungan negeri dan keperluan semasa selain penilaian Presiden parti berdasarkan sebab-sebab yang diketahuinya.

"Ia (rombakan) juga bertujuan memastikan kedudukan parti di peringkat negeri lebih kukuh, usaha menyatu-padukan lebih berhasil, program parti dapat berjalan lancar dan yang penting dapat 'deliver' waktu sampai pilihan raya ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin rombakan tidak akan dilakukan atas dasar 'sana dah rombak, yang lain pun kena rombak',katanya.

Sementara itu menyentuh isu pembekalan senjata api kepada kakitangan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Muhyiddin berkata mereka akan dilengkapi kemudahan itu apabila sudah disahkan bersedia oleh polis.

"Kita sudahpun latih sebahagian daripada mereka, tetapi sebelum mereka dibekalkan (senjata api) mereka mesti dilatih dan hanya bila polis berpendapat mereka mampu menggunakannya dengan cara yang betul, barulah mereka akan dilengkapi dengan senjata," katanya.

Muhyiddin berkata bekalan senjata api itu hanya akan diberikan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan operasi membanteras cetak rompak sahaja.

"Kalau pergi pemeriksaan di kedai, periksa harga barang buat apa bawa senjata api, tapi untuk operasi yang diketahui ada bahaya, pegawai diancam nyawa, kita akan bekalkan dengan senjata api," katanya.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan polis telahpun memberi kelulusan untuk membekalkan senjata api kepada para pegawai penguatkuasa Kementerian itu, tetapi kementerian itu tidak membuat sebarang persediaan ke arah itu memandangkan tidak adanya kepentingan pada ketika itu.

Bagaimanapun berdasarkan keadaan semasa, terutamanya dalam situasi isu cetak rompak yang hangat dan lebih mencabar, Kementerian memandang perkara itu sebagai suatu keperluan, katanya.

-- BERNAMA

SNS KHY PR